

Mahathir Pengerusi baru BN

UM 10 JUL 1981

KUALA LUMPUR 15 Julai — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri baru esok hari ini diterima sebulat suara sebagai Pengerusi baru Barisan Nasional.

Dewan Tertinggi BN menerima perlantikan Datuk Sri Dr. Mahathir itu selepas Perdana Menteri Datuk Hussein Onn yang juga Pengerusi BN mengumumkan perletakan jawatannya dalam satu mesyuarat ringkas di Sri Taman di sini petang ini.

Mesyuarat itu meluluskan satu usul yang menerima Datuk Sri Dr. Mahathir sebagai Pengerusi BN dan berikrar memberi sokongan kuat kepada beliau.

Datuk Hussein Onn yang mempengerusikan mesyuarat itu memberitahu para pemberita, beliau telah meletakkan jawatan Pengerusi BN.

Katanya, untuk menggantikan tempatnya, Datuk Sri Dr. Mahathir telah diterima sebulat suara oleh ahli-ahli Dewan Tertinggi BN sebagai Pengerusi baru.

Beliau akan meletakkan jawatan Perdana Menteri esok untuk di-

ambil alih oleh timbalannya, Datuk Sri Dr. Mahathir dalam satu upacara di Istana Negara.

Menurut Datuk Hussein, beliau sendiri yakin bahawa Barisan Nasional akan berterusan seperti biasa.

"Walaupun ada masalah-masalah dalam keluarga Barisan Nasional, kita percaya ini tidak menjejaskan perpaduan BN di masa depan", tambahnya.

Beliau berkata, Barisan Nasional diyakini akan menghadapi pilihanraya umum akan datang dengan kekuatan dan kestabilannya yang berterusan.

Datuk Hussein berharap ketua-ketua parti komponen BN akan memberi kepercayaan dan keyakinan kepada pemimpin baru Barisan Nasional.

Presiden MCA Datuk Lee San Choon dalam

satu kenyataannya dalam mesyuarat Dewan Tertinggi BN berkata, Datuk Hussein Onn telah mewujudkan kestabilan dan perpaduan di negara ini dengan ketabahan dan kesederhanaannya dalam bidang ekonomi, politik dan sosial.

Katanya, Dewan Tertinggi BN juga mengucapkan penghargaan kepada Datuk Hussein yang dengan kejujuran telah membolehkan pertukaran kuasa berjalan licin tanpa mengancam parti dan negara.